

Guan Eng Diingatkan Jangan Putar Belit Dan Guna Isu Berhubung Tanah Bayan Mutiara
Bername
27 Februari , 2012

GEORGE TOWN, 27 Feb (Bernama) -- Ketua Menteri Pulau Pinang Lim Guan Eng perlu menjawab sama ada penjualan tanah Bayan Mutiara dilakukan secara rundingan atau tender terbuka.

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Barisan Nasional Negeri (BN) Datuk Dr Teng Hock Nan berkata Guan Eng perlu menjawab soalan itu dan bukan memutarbelit atau menghidupkan isu itu untuk mengelirukan orang ramai.

"Jika kenyataan Lim menyatakan jualan tanah itu adalah melalui tender terbuka, kenapa pemaju memaklumkan Bursa Malaysia bahawa tanah itu diperolehi melalui rundingan dan bukan melalui tender terbuka seperti yang didakwa kerajaan.

"Sebagai ketua menteri, Lim perlu menjawab kepada soalan dengan pantas, supaya orang ramai mendapat gambaran sebenar mengenai proses jualan tanah itu," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa kerja BN di sini, Isnin.

Dr Teng berkata jika tanah itu dijual melalui tender terbuka, ia perlu mengikut prosedur ketat tender terbuka dan bukan meminta cadangan daripada pemaju terlebih dahulu.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=648346>